

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	4/12/2018

Buku kanak-kanak terbitan tempatan perlu suntikan baharu

BH- 4/12/2018
m/s: 53

➔ Naskhah mampu jadi genre popular, diperkukuh pelbagai unsur sesuai

Oleh Siti Haliza Yusop
shyusop@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Penerbit tanah air perlu memastikan aliran buku kanak-kanak yang mengalami perkembangan ketara di seluruh dunia, dapat diterjemahkan ke dalam situasi buku tanah air.

Di Amerika Syarikat (AS), genre kanak-kanak menduduki tempat kedua buku paling laris jualan tahun lalu, iaitu AS\$321 juta (RM1.3 bilion) berbanding buku teks yang berada di tangga pertama dengan jualan AS\$420 juta (RM1.8 bilion).

Eksekutif Penerbitan Strategik Perbadanan Kota Buku (PKB), Aliff Basri, berkata perkembangan sama turut dilihat di United Kingdom (UK) apabila genre kanak-kanak menjadi kedua paling popular selepas fiksiyen.

Beliau berkata, di China yang mempunyai jumlah penduduk paling ramai di dunia, prestasi buku kanak-kanak nampaknya lebih baik apabila mendahului di tangga pertama sebagai genre paling popular berbanding akademik di tempat kedua dan

fiksiyen (ketiga).

Di negara ini, genre paling popular dalam kalangan pembaca berdasarkan kaji selidik Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) lalu, ialah komik, agama dan fiksiyen.

"Genre komik tidak hanya tertumpu kepada pembaca kanak-kanak, sebaliknya menjadi pembacaan yang turut dinikmati orang dewasa, terutama ada komik membawa pengisian berat.

"Meskipun buku kanak-kanak menjadi genre popular secara global, nampaknya semacam ada pautan yang hilang kerana buku kanak-kanak tidak begitu jelas definisinya," katanya ketika membentangkan Trend Penerbitan Buku Masa Kini pada Program Seminar Sehari Bersama Penerbit 2018 di Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) di sini.

Ajar ilmu baharu

Aliff berkata, dari segi bentuknya, selain naskhah kanak-kanak dengan penampilan watak lucu, buku bergenre itu boleh ditampilkan dalam beberapa cara termasuk melalui bentuk psikologi untuk menyelesaikan pelbagai permasalahan berkaitan kanak-kanak.

Katanya, ada juga buku kanak-kanak ditampilkan bertujuan mengajar ilmu baharu seperti memaparkan maklumat berkaitan angkasa lepas.

"Antara menarik untuk dilakukannya bagi buku genre kanak-kanak ialah membawa semula watak daripada karya klasik misalnya *Puteri Gunung Ledang* dengan nafas baharu melalui cara memasukkan elemen moden supaya mudah dikaitkan dengan



[FOTO SAIFULLIZAN TAMADI/BH]

Nafisah menyampaikan sijil penghargaan kepada penerbit buku pada Program Seminar Sehari Bersama Penerbit 2018 di Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) di Kuala Lumpur.

zaman ini," katanya.

Aliff berkata, genre kanak-kanak membesar dengan baik dan pesat secara global, sekali gus menyediakan platform baik untuk naskhah kanak-kanak tempatan berkembang di luar negara seperti *Siri Mila* tulisan Maslina Yusoff.

"PKB membawa *Siri Mila*, mengenai kanak-kanak berambut keriting ke pesta buku kanak-kanak dan penerbit di China sangat menyukainya hingga menjadi karya terlaris di negara itu.

"Di negara ini, buku kategori itu semakin mendapat tempat, malah sudah banyak penerbit seperti Oyez! Books (Oyez) yang menghasilkan buku kanak-kanak dengan gaya sangat menarik dalam bahasa Melayu dan Inggeris.

"Dewan Bahasa dan Pustaka

(DBP) juga nampaknya aktif memainkan peranan serupa dalam menerbitkan buku kanak-kanak yang peranannya bukan sekadar bertujuan memberi hiburan malah mendidik mereka melalui paparan yang dibuat," katanya.

Serah judul kepada PNM

Sementara itu, Ketua Pengarah PNM, Datuk Nafisah Ahmad menekankan kepentingan sesuatu judul diserahkan kepada PNM seperti diwajibkan melalui Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331).

Katanya, disebabkan kurang kesedaran masih ada penerbit dan penulis yang tidak berbuat demikian menyebabkan terbitan buku dan bahan bersiri masing-masing dilakukan tanpa Standard Data Pengkatalogan Antarabangsa

(ISBN) dan International Standard Serial Number (ISSN).

"Di bawah akta itu, semua penerbit wajib menyerahkan lima naskhah bahan bercetak dan dua naskhah bahan tidak bercetak kepada PNM untuk didokumentasi.

"Penyerahan bahan ini kepada PNM penting, kerana selain sebagai satu dokumentasi, ia juga karya intelek bangsa kita yang akan menjadi bukti keintelektualan dan ketamadunan bangsa pada masa hadapan," katanya.

Bertemakan Penerbitan Berkualiti Pemangkin Generasi Gemilang, seminar antara usaha PNM dalam menyokong pelaksanaan Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Buku Dunia pada 2020 melalui pengumpulan dan pengukuhan koleksi intelektual negara melalui Akta Penyerahan Bahan 1986.